

08/09/2003

PM minta Hadi beri alasan gelar ulama `syaitan'

Norbakti Alias; Johari Ibrahim

JITRA: Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempersoalkan hak Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, menggelar ulama Umno sebagai `syaitan bisu'.

Malah, Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri meminta Abdul Hadi memberikan alasan kenapa beliau boleh menggelar seseorang itu sebagai syaitan.

"Dia (Abdul Hadi) Tuhan kah? Dia tahu ke dia betul ke (atau) tak betul?," katanya yang ditemui pemberita selepas perjumpaan tertutup dengan jawatankuasa Barisan Nasional (BN) Kubang Pasu, di sini, semalam.

Dr Mahathir mengulas kenyataan terbaru Pemangku Presiden Pas itu yang mendakwa gelaran `syaitan bisu' lebih dikhususkan kepada ulama Umno, bukannya polis.

Abdul Hadi berkata, polis hanya menjadi pelaksana undang-undang melalui tindakan manakala ulama Umno sering berdiam diri jika membabitkan kekeliruan dalam isu agama dan lebih senang mendengar pemimpin bercakap dulu sebelum membuat kenyataan.

Dr Mahathir berkata, Abdul Hadi tidak boleh membuat tuduhan sebegitu sedangkan beliau (Abdul Hadi) sendiri tahu Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat sanggup melakukan apa-apa saja untuk menang pilihan raya.

"Dia (Nik Aziz) sanggup kerjasama dengan syaitan, dakwa macam-macam, kata tuhan mencarut, tuhan gedebe, samseng. Itu asal dok (sebab) kawan dengan syaitan," katanya.

Mengenai sama ada kerajaan boleh mengambil tindakan ke atas pembangkang kerana membuatkan keadaan yang boleh menjejaskan keamanan negara, Dr Mahathir berkata jika ada bukti ia menjejaskan keamanan, pihak berkuasa boleh berbuat demikian.

"Bagaimanapun, kita tahu orang dia nak cari alasan untuk mencetuskan huru hara. Dia dah kata, kalau kita ambil tindakan, dia akan cetuskan huru hara dalam negara," katanya.

Mengenai sama ada cukai individu akan dikurangkan dan cukai seperti rokok dan arak dinaikkan dalam Bajet 2004, Perdana Menteri berkata, "Tunggu 12 (September) ini.

"Sabarlah, cakap sekarang, habislah modal saya," katanya.

Mengulas pertemuannya dengan BN Kubang Pasu, Dr Mahathir berkata, beliau meminta semua pihak terus menyokong parti itu tanpa mengira siapa calonnya.

"Dalam pilihan raya, kita mahu tubuh kerajaan. Seorang calon dengan sendiri termasuk saya, tak akan jadi kerajaan kecuali BN menang. Itulah yang saya jelaskan dalam perjumpaan tadi," katanya.